

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 21/06/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

ACO Buka Peluang Koperasi Dan PKS Pasarkan Produk Ke Lanzhou, China

PETALING JAYA, 21 Jun (Bernama) -- Lanzhou, ibu negeri dan bandar terbesar di Wilayah Gansu di Barat Laut China, merupakan antara destinasi menarik bagi pelaburan koperasi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini memasarkan produk mereka ke peringkat global, kata Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Beliau yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) berkata ACO adalah payung bagi gerakan koperasi ASEAN yang memainkan peranan sebagai penasihat dan penyelaras kepada koperasi ahli untuk mendapatkan peluang perniagaan di Zon Perdagangan Bebas Baru Lanzhou, China.

"Zon Perdagangan Bebas Baru Lanzhou adalah kerjasama antara kerajaan tempatan daerah Lanzhou dengan Hab Halal (JAKIM) Malaysia untuk tujuan pemprosesan dan pembungkusan produk yang merupakan peluang keemasan kepada semua koperasi di Malaysia dan koperasi di negara ASEAN untuk memasarkan produk dan perkhidmatan ke China dan di peringkat antarabangsa," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

ACO mempunyai keanggotan individu seramai 560 juta orang, mewakili 66 peratus daripada jumlah keanggotaan koperasi global. Koperasi itu terlibat di dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan perniagaan termasuk pertanian, perbankan, perumahan dan penjagaan kesihatan.

Abdul Fattah sebelum itu menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara ACO dan Elca Communication Sdn Bhd, sebuah syarikat teknologi dan komunikasi di negara ini dan ACO Trade and Exhibition (Lanzhou) Sdn Bhd (ATE) bagi tujuan pemasaran produk koperasi berkenaan di Lanzhou.

"Kerjasama antara ACO dan ATE itu bertujuan mengeksport produk koperasi Malaysia dan negara ASEAN lain dan pihak lain yang berminat menjalin usaha sama dengan ACO pada masa hadapan," katanya.

Selain itu, katanya penyediaan outlet di Zon Perdagangan Bebas Lanzhou dengan menawarkan ruang sewaan di ASEAN Pavillion berkeluasan 380 kaki persegi dan restoran ACO, berkeluasan 5,000 kaki persegi, bertujuan untuk mempamer dan menjual produk makanan dan minuman yang halal.

Aplikasi ACO juga telah diwujudkan bagi memberi peluang kepada kesemua komuniti koperasi di negara ASEAN berhubung di bawah satu aplikasi dan antara kemudahan yang disediakan dalam aplikasi itu ialah ACO Rewards (diskaun dan ganjaran kepada pengguna),

ACO TV, ACO Talk (komunikasi secara maya melalui aplikasi chat dan video call) dan ACO News.

Aplikasi ACO merupakan antara usaha untuk memperkenalkan produk koperasi Malaysia dan koperasi negara ASEAN, mengadakan jaringan perniagaan dan dijangka dapat mempromosikan produk koperasi di peringkat ASEAN dan antarabangsa.

-- BERNAMA